

Tindakan guna logo berbeza dikritik

Cadangan Pemuda PN bantutkan usaha perpaduan antara Persekutuan dan kerajaan negeri

PUTRAJAYA

Tindakan Perikatan Nasional (PN) memperkenalkan logo dan tema Hari Kebangsaan tahun ini berbeza daripada yang diumumkan kerajaan Persekutuan mengundang rasa kurang senang pelbagai pihak.

Cadangan supaya logo dan tema itu digunakan di empat negeri di bawah kerajaan negeri pembangkang iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis didakwa menggetepikan semangat patriotik.

Sabtu lalu, Ketua Pemuda PN, Ahmad Fadhli Shaari berkata, PN mungkin menggunakan logo dan tema 'Teguh Muafakat Malaysia Sejahtera'.

Ketika melancarkannya di Ibu Pejabat Pas di Kuala Lumpur, Ahmad Fadhli berkata, logo tersebut berteraskan bunga raya jadi bunga kelopak yang menjadi bunga kebangsaan serta mengambil elemen warna pada Jalur Gemilang.

Sedangkan pada Mei lepas,



Ahmad Fadhli pada majlis pelancaran logo dan tema Hari Kebangsaan peringkat Pemuda PN di Ibu Pejabat Pas Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil mengemukakan bahawa tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 ialah 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan' dengan mengangkat Malaysia Madani sebagai logo rasmi.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebarang cadangan menggunakan logo dan tema Hari Kebangsaan yang berbeza me-

rupakan salah satu daripada defisit sosial yang dikenal pasti mampu menjejaskan perpaduan. Aaron berkata, cadangan serupa itu membantutkan usaha kerajaan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat terjamin.

"Ia berkait rapat tentang semangat kerjasama, toleransi dan hubungan baik antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, yang perlu ditangani secara

berhemah.

"Seharusnya pemimpin di setiap peringkat hendaklah memainkan peranan penting sebagai pemangkin perpaduan, termasuklah tabir urus di peringkat Persekutuan dan negeri melalui aspek sempadan politik, ekonomi dan sosial," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Aaron turut menjelaskan bahawa tema Hari Kebangsaan yang dilancarkan pada 27 Mei lepas membawa maksud semangat perpaduan dan patriotisme yang tinggi, serta membentukkan rasa cinta mendalam kepada negara.

Katanya, setiap rakyat di negara ini sedia maklum bahawa sambutan yang diadakan saban tahun itu diraikan dengan semangat patriotisme dan cinta kepada negara, bagi mengenang jasa pejuang kemerdekaan terdahulu yang telah bersusah payah memastikan Malaysia terus bebas merdeka daripada cengkaman penjajah.

"Sambutan Hari Kebangsaan merupakan suatu perayaan bersifat nasional. Logo dan tema ditetapkan menjadi lambang kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, di IPOH,



AARON

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim berkata, cadangan supaya kerajaan negeri di bawah PN menggunakan logo dan tema berbeza adalah bersifat politik semata-mata.

Beliau berkata, sambutan Hari Kebangsaan sepatutnya disambut seluruh rakyat dengan semangat perpaduan, tidak ada kenangannya dengan parti atau mana-mana ideologi politik.

"Adalah sesuatu yang amat khilaf bagi mana-mana pihak untuk mengajukan tema berbeza sambutan yang dilihat berasingan. Saya harap perkara ini tidak diteruskan. Hormatilah semangat federalisme, jangan pecah belahkan masyarakat sedemikian rupa.

"Saya kira cadangan yang diambil itu memang pertimbangan politik, bukan pertimbangan dengan mana-mana konteks ke-negerian atau kebangsaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Perak Tahun 2023 di sini pada Ahad.

Adam yang juga Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) turut kesal dengan tindakan tersebut.